

Komisen: PM mahu Bank Negara tentukan

Oleh ZULKIFLI JALIL, MOHD. ASUKI ABAS
dan YULPISMAN ASLI

UM 15 JUN 2000
KUALA LUMPUR 14 Jun — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyerahkan kepada Bank Negara Malaysia (BNM) bagi menentukan sama ada untuk mengekalkan atau sebaliknya arahan meminta institusi kewangan menghentikan pembayaran komisen satu peratus kepada pengedar kereta.

Perdana Menteri berkata, beliau dimaklumkan BNM sedang mengadakan rundingan dengan syarikat-syarikat pengedar kereta nasional bagi menyelesaikan isu itu.

“Terpulang kepada Bank Negara. Saya bukan dalam kedudukan untuk mengulas sama ada ia adil atau tidak kepada mana-mana pihak.

“Menurut pengguna, (pemberian komisen satu peratus kepada pengedar kereta) tidak adil tetapi kepada pengedar kereta, ia adil.

“Semuanya bergantung kepada pelbagai sudut yang akan dilihat nanti tetapi sekurang-kurangnya ia dapat mengurangkan kos pengguna,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan kereta Perodua Kenari di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Dr. Mahathir mengulas arahan BNM bulan lalu yang mahu institusi kewangan tempatan menarik balik komisen satu peratus yang dibayar kepada pengedar kereta, berkuat kuasa 1 Jun lalu.

Berikutan arahan itu, wakil-wakil pengedar kereta nasional mendakwa tempahan kereta nasional pelbagai model menjunam sehingga 70 peratus sejak awal bulan ini setelah jurujual enggan mengambil tempahan kerana tidak lagi mendapat komisen itu.

Malah, beberapa persatuan pengedar kereta nasional-EON, USPD dan Perodua seluruh negara merayu kerajaan supaya segera campur tangan dan menyelamatkan industri kereta nasional daripada terjejas

■ Lihat muka 4

Komisen: PM mahu Bank Negara tentukan

UM 15 JUN 2000
terult.

Semalam, Gabenor BNM, Datuk Dr. Zeti Akhtar Aziz memberi jaminan akan menyelesaikan isu itu menerusi perbincangan yang sedang dijalankan dengan syarikat pengedar kereta.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, beliau tidak dapat memberi komen sama ada arahan BNM itu terlalu drastik atau sebaliknya.

“Saya fikir BNM tahu apa yang hendak dibuat. Saya serahkan kepada pakar,” katanya.

Dalam pada itu, persatuan-persatuan pengedar kereta dikatakan akan mencadangkan kepada BNM supaya meminta institusi kewangan membayar caj perkhidmatan sebanyak empat peratus.

Cadangan itu bagi menggantikan pembayaran ko-

misen satu peratus oleh institusi kewangan kepada pengedar kereta yang dihapuskan mulai 1 Jun.

Keputusan itu dicapai dalam satu mesyuarat yang dihadiri oleh kira-kira 12 persatuan pengedar di EON hari ini dengan dipengerusikan oleh Pengarah Urusan EON, Datuk Adzmi Abdul Wahab.

Menurut Presiden Persatuan Penegdar Otomobil USPD Malaysia (Usdam), Kol. (B) Abdullah Dolmat, syor itu akan diserahkan kepada BNM, Jumaat ini.

“Cadangan ini tidak melibatkan atau menyentuh sebarang kepentingan pengguna sedia ada,” katanya kepada Utusan.

Beliau berkata, berdasarkan syor baru itu, persatuan pengedar sebenarnya meminta jumlah yang lebih kecil berbanding kadar sedia ada.

Misalnya, jelas beliau, kadar sedia ada memerlukan institusi kewangan membayar komisen satu peratus daripada jumlah pinjaman keseluruhan dikali dengan lima tahun tempoh pinjaman.

Sebaliknya, permintaan baru persatuan pengedar hanya meminta institusi kewangan membayar caj perkhidmatan empat peratus daripada jumlah keseluruhan pinjaman yang dikatakan lebih fleksibel.

“Kita percaya institusi kewangan mampu membayarnya. Kita sudah membuat kajian dan mereka boleh bayar. Mereka masih untung,” katanya.

Abdullah berkata, cadangan baru itu juga akan menyelesaikan masalah pembayaran komisen antara pengedar dan institusi kewangan yang sering menimbulkan persoalan.